



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAH PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

19 JUN 2021 (SABTU)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAH PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

19 JUN 2021 (SABTU)

Siasat kenaikan harga makanan ternakan

Kuala Terengganu: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Terengganu akan menjalankan siasatan segera berhubung isu kenaikan harga makanan ternakan di pasaran.

Pengarah KPDNHEP Terengganu Saharuddin Mohd Kia berkata, pihaknya sedia maklum dengan kenaikan harga makanan ternakan di pasaran akhir-akhir ini.

"Bagaimanapun, tiada laporan secara rasmi yang diperoleh daripada penteranak atau pengguna mengenainya sehingga sekarang.

"Bagaimanapun, kami akan membuat pemantauan harga makanan ternakan di pasaran.

"Sekiranya berlaku kenaikan harga yang tidak munasabah dan mempunyai unsur pencatutan, tindakan boleh diambil," katanya ketika dihubungi, semalam.

Bekalan sayur stabil, mencukupi

KPDNHEP nasihat pengguna supaya tidak melakukan pembelian panik

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN
PUTRAJAYA

ementeria n Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menasihatkan orang ramai supaya tidak melakukan pembelian panik kerana bekalan sayur di pasaran stabil serta mencukupi.

Kementerian itu dalam kenyataan pada Jumaat berkata, kawasan pertanian sayuran di Cameron Highlands, Pahang dan Lojing, Gua Musang, Kelantan beroperasi seperti biasa tanpa sebarang isu pengangkutan serta peredaran.

“Semua kawasan tanaman sayur selain Kampung Raja di Cameron Highlands telah beroperasi seperti biasa. Hanya sekitar 30 hingga 40 peratus bekalan sayur di tanah

tinggi itu dikeluarkan dari ladang Kampung Raja yang kini di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

“Peratusan ini tidak akan menjasakan bekalan sayur di pasaran. “Kerajaan akan mengambil langkah segera bagi memastikan pengurusan tanaman ladang dan proses membawa keluar hasil pertanian dari Cameron Highlands dapat berjalan seperti biasa,” menurut kenyataan itu.

KPDNHEP berkata, pegawai penguat kuasa KPDNHEP di seluruh Malaysia akan terus menjalankan pemantauan ke atas bekalan dan harga sayur-sayuran. Selain itu, KPDNHEP turut mengusulkan suntikan vaksin kepada peladang dan pekerja dilaksanakan secepat mungkin.

Kerajaan pada Selasa memutuskan untuk membenarkan sektor pertanian dan rantaiannya di Cameron Highlands beroperasi walaupun dalam pelaksanaan PKPD bagi menjamin bekalan



Pengguna dimasihatkan supaya tidak melakukan pembelian panik kerana bekalan sayur di pasaran stabil dan mencukupi.

Pengusaha ladang sayuran berdepan masalah di peringkat pemasaran dan penghantaran ke pasar susulan PKPD di beberapa kawasan di Cameron Highlands bermula 14 hingga 27 Jun.

tidak terganggu.

Ia selaras dengan keputusan kerajaan neletakkan sektor pertanian, perikanan dan perternakan serta rantaiannya sebagai satu perkhidmatan perlu.

Laporan *Sinar Harian* pada 17 Jun 2021.

Demi kelangsungan bekalan sayur

MAPL PAMA cari jalan operasi tanah di sana

Foto: Sinar Harian / Mohd Firdaus

Bekalan sayur Cameron di pasaran tidak terjejas

PUTRAJAYA – Kerajaan akan mengambil langkah segera untuk memastikan pengurusan tanaman ladang serta proses membawa keluar hasil pertanian dari Cameron Highlands dapat berjalan seperti biasa.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam satu kenyataan berkata, sebanyak 30 hingga 40 peratus bekalan sayur Cameron Highlands datang daripada ladang-ladang di Kampung Raja yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD).

Menurutnya, peratusan itu bagaimanapun tidak akan menjelaskan rantaian bekalan sayur di pasaran secara keselu-

ruhan memandangkan semua kawasan tanaman selain Kampung Raja di Cameron Highlands beroperasi seperti biasa.

Katanya, ladang sayur di kawasan Lojing dibenarkan beroperasi sepenuhnya tanpa isu pengangkutan dan pengedaran.

"Pihak polis juga telah memaklumkan pergerakan lori-lori untuk membawa keluar sayur dari Cameron Highlands adalah dibenarkan," katanya disini semalam.

Menurutnya, penguatkuasaan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 akan dikenakan kepada pihak yang sengaja mengambil keuntungan secara tidak munasabah atau mencatut.



KPDNHEP memberi jaminan bekalan sayur tidak terjejas disebabkan PKPD Kampung Raja, Cameron Highlands. – GAMBAR HIASAN

EMCO won't affect delivery of vegetables

PETALING JAYA: The vegetable supply from Cameron Highlands will continue as usual despite the enhanced movement control order in Kampung Raja, says the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry.

It said only 30% to 40% of vegetables from Cameron Highlands came from farms in Kampung Raja, adding that the supply chain would not be entirely disrupted.

"The ministry has also been informed that other vegetable farms in Cameron Highlands are operating as usual," it said in a statement yesterday.

It also said police would permit trucks carrying vegetables from Cameron Highlands to travel despite the lockdown.

Minyak masak peket bukan dikitar semula

Kuala Lumpur: Kualiti minyak masak kelapa sawit bersubsidi dalam bungkusan plastik satu kilogram (kg) di pasaran tempatan menepati kualiti yang ditetapkan dan bukan minyak kitar semula.

Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Dr Ahmad Parveez Ghulam Kadir, berkata harga minyak masak dalam bungkusan plastik 1kg di pasaran dikawal Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Beliau berkata, harga runcitnya tidak boleh dinaikkan melebihi harga kawalan RM2.50 ditetapkan, malah subsidi diberikan kepada minyak masak plastik 1kg masih pada RM2.50 sebungkus walaupun harga pasaran minyak sawit

mentah (MSM) sudah meningkat.

Katanya, bekalan minyak masak bersubsidi bertujuan mengurangkan kos sara hidup rakyat bagi mendapatkan minyak masak dengan harga berpatutan khusus untuk golongan berpendapatan rendah.

"Tanggapan minyak masak dalam bungkusan plastik 1kg yang dijual dengan harga subsidi mempunyai kualiti rendah adalah salah. Harga minyak masak dalam bungkusan plastik 1kg disubsidi

dan dikawal kerajaan.

"Oleh itu, harganya lebih murah berbanding harga minyak masak dalam botol di pasaran," katanya dalam kenyataan sambil menambah, minyak masak sawit di pasaran tempatan dijual dalam



Ahmad Parveez

pelbagai saiz daripada paket plastik 1kg sehingga dalam botol ber saiz antara 1kg hingga 5kg.

Katanya, saiz bungkusan 17kg dalam tin pula digunakan industri kecil dan sederhana (PKS), manakala kebanyakan minyak masak bungkusan plastik 1kg dilakuarkan syarikat pembungkusan kerana kos operasi rendah.

"Minyak masak plastik 1kg biasa dijual dalam bentuk karton dengan berat 17kg (17 paket 1kg minyak masak). Ketika ini ada 49 kilang penapis serta 312 syarikat pembungkusan minyak masak beroperasi bagi bekalan pasaran tempatan dianggarkan satu juta tan setahun," katanya.

Ahmad Parveez, berkata MPOB menjalankan pemantauan secara berkala dan pengujian sampel minyak masak di pasaran dan mendapat kualiti dan ciri penting adalah menepati kriteria yang ditetapkan oleh Jabatan Standard Malaysia.

Kualiti minyak masak bungkus plastik setanding dalam botol

KUALA LUMPUR - Kualiti minyak masak olein dalam bungkusan plastik satu kilogram (kg) yang dijual di pasaran tempatan menepati kualiti ditetapkan dan bukan minyak kitar semula.

Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Dr Ahmad Parvez Ghulam Kadir berkata, harga minyak masak dalam bungkusan plastik satu

kg di pasaran dikawal Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), justeru harga runcit tidak boleh dinaikkan melebihi harga kawalan RM2.50 ditetapkan.

"Tanggapan bahawa minyak masak dalam bungkusan plastik satu kg yang dijual dengan harga subsidi mempunyai kualiti lebih rendah adalah salah

"Harga minyak masak dalam bungkusan plastik satu kg disubsidi dan dikawal kerajaan, jadi harganya lebih murah berbanding harga minyak masak dalam botol di pasaran," katanya dalam kenyataan pada Jumaat.


Beliau menjelaskan, subsidi ke atas minyak masak plastik tersebut memastikan harga kekal RM2.50 sebungkus. - Bernama

SUARA KONTEMPORARI

Kosmo!

HARI : SABTU
TARIKH : 19/06/2021
M/SURAT : 14

Ayam	RM5.99	Ayam	RM9.20	Ayam	RM2.85	Ayam	RM1.99
Daging Lembu Tempatan	RM34	Ikan Kembung	RM11.90	Bawang Besar Holland	RM33.30	Kubis Bulat Tempatan	RM1.99
Daging Lembu Import	RM29.90	Minyak Masak	RM6.20	Bawang Putih	RM5.50	Tepung Gandum	RM2.15



Senarai Harga Barang Keperluan

*Harga (RM/kg) Sumber: KDNHEP